

21/12/1997

Ahli Umno didakwa dilarang bertanding

KUALA LUMPUR: Semua ahli yang didakwa di mahkamah, dilarang bertanding sebarang jawatan dalam parti, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ahli yang sedang disiasat, boleh bertanding.

"Kita membuat keputusan sesiapa pun yang sudah didakwa di mahkamah tidak boleh bertanding tetapi jika di peringkat siasatan, boleh bertanding," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Setakat ini, tiga pemimpin Umno, termasuk Naib Presiden yang juga bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, sedang menghadapi tuduhan di mahkamah.

Muhammad, 51, yang juga Ketua bahagian Umno Hulu Selangor, menghadapi dua tuduhan di mahkamah Australia kerana didakwa cuba membawa keluar mata wang asing secara tunai AS\$1,264,881 (RM2.4 juta) dari Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22 Disember 1996.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sedili yang juga Naib Ketua Umno bahagian Kota Tinggi, Mohamadon Abu Bakar, 47, pula dituduh mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan di Mahkamah Majistret Kota Tinggi kerana didakwa dengan sengaja mencederakan isterinya, Noor Aini Md Yatim, 35, pada 4 Oktober lalu.

Ketua Umno bahagian Selandar yang juga Adun Durian Tunggal, Datuk Sahar Arpan, 44, turut menghadapi tiga tuduhan rasuah di Mahkamah Tinggi, Melaka. Bagaimanapun, sehingga kini semua kes itu belum diputuskan mahkamah.

Bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, MT juga memutuskan untuk memecat pemimpin bahagian dan cawangan yang tidak menerima kemasukan bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) selepas diluluskan ibu pejabat parti.

"Jika ada ketua bahagian atau cawangan yang tidak sanggup terima, maka tindakan disiplin akan diambil, termasuk pemecatan kerana keengganan mereka sama seperti usaha mengalahkan parti.

"Mereka berpendapat pendirian mereka lebih utama daripada kehendak parti dan tidak mahu mematuhinya, maka mereka mungkin dipecat jika bertindak demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata, ibu pejabat Umno akan mengadakan siasatan rapi terhadap dakwaan keengganan pemimpin bahagian dan cawangan itu, sebelum sebarang tindakan diambil.

Menurut beliau, penyertaan semula bekas ahli S46 penting bagi membolehkan mereka terbabit dalam kegiatan yang dianjurkan parti pada peringkat bahagian dan cawangan.

(END)